KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA
TUANKU SYED SIRAJUDDIN

MODUL USRAH

PENDIDIKAN ISLAM

SIJIL KEMAHIRAN KHAS POLITEKNIK

Azirah Seman
Roshadah Abu Bakar

Modul Usrah

Pendidikan Islam

(Ringkas, Padat & Tepat)

Penulis:

Azirah binti Seman
Pensyarah
Unit Pengajian Am, Kolej Komuniti Arau.

Roshadah binti Abu Bakar
Pensyarah
Jabatan Pengajian Am, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

Penasihat
Thohir bin Bahador

Penulis
Azirah binti Seman
Roshadah binti Abu Bakar

Editor dan Semakan Bahasa
Azirah binti Seman
Roshadah binti Abu Bakar

Konsep dan Rekabentuk
Azirah binti Seman

Terbitan
2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada secara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis dari pihak Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh:
Politeknik Tuanku Syed Sirajudddin (PTSS)
Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis.
No. Tel : 04-988 6200
No. Fax : 04-988 6300
www.ptss.edu.my

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-7514-53-6

Prakata

Modul Usrah Pendidikan Islam ini dikhususkan kepada pelajar Sijil Kemahiran Khas Politeknik. Terdapat 3 bab utama yang terkandung di dalam eBuku ini iaitu akidah, ibadah dan akhlak Terdapat pecahan topik-topik kecil dibincangkan di dalamnya. Nota yang ringkas dan padat adalah bersesuaian dengan pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Cacat Pendengaran yang sangat terhad kosa katanya.

eBuku ini juga dilengkapi dengan grafik dan videografik bagi menarik perhatian pelajar dan memudahkan pemahaman mereka dalam topik yang akan dipelajari. Latihan interaktif turut dilampirkan bagi menguji kefahaman pelajar dalam setiap topik yang telah dipelajari. Pelajar turut akan dibimbing oleh fasilitator di dalam program usrah bagi membimbing mereka dalam melaksanakan kewajipan kepada Allah dengan betul dan sempurna.

Diharapkan penghasilan dan penerbitan eBuku ini akan memberi impak besar dalam memberi nilai tambah kepada pelajar berkeperluan khas cacat pendengaran dalam mempelajari dan memahami ajaran Islam dengan betul.

ISI KANDUNGAN

Akidah **1 - 7**

2

Maksud akidah, iman & dalil 3

Rukun iman & latihan interaktif

Islam & kandungan islam 4

Rukun islam, video isyarat syahadah & latihan interaktif 5

Maksud, prinsip & contoh ihsan 6

Hubungan islam, iman & ihsan 7

Ibadah **8 - 28**

Thoharah: Najis 9 - 10 Wuduk 11 - 12

Tayamum 13 - 14 Mandi Wajib 15 - 16

Solat: Maksud, syarat sah, syarat wajib & rukun solat 17

Panduan melaksanakan solat & latihan interaktif 22

Solat ketika sakit 23

Perkara makruh & membatalkan solat 24

Pengurusan Jenazah: Mandi jenazah 25

Kafan jenazah 26 Solat jenazah 27

Kebumi jenazah 28

Akhlak **29 - 33**

Maksud dan dalil akhlak 30

Akhlak terhadap Allah dan latihan interaktif 31

Akhlak terhadap Rasulullah dan latihan interaktif 32

Akhlak terhadap sesama manusia: Guru, ibu bapa & rakan 33

QR Code Ulangkaji **34**

Rujukan **35**













AKIDAH

- Iman
- Islam
- Ihsan

IMAN

Maksud Akidah

- Kepercayaan atau keimanan kepada hakikat-hakikat dan nilai-nilai yang mutlak, yang tetap dan kekal, yang pasti dan suci
- Kepercayaan yang tersimpul dengan teguh dalam jiwa yang tidak mungkin terurai dalam apa jua keadaan dan suasana



Maksud Iman

- Mempercayai dan menerima. Iman letaknya di hati, disokong dengan pengakuan melalui lidah dan dibuktikan dengan amal dan perbuatan.
- Membenarkan dengan hati, mengaku dengan lidah dan melakukan amalan dengan anggota.







Dalil Iman

Sabda rasulullah saw:

أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلاَئِكَتِهِ وَكُتُبِهِ وَرُسُلِهِ وَالْيَوْمِ الآخِرِ وَتُؤْمِنَ بِالْقَدَرِ خَيْرِهِ وَشَرِّهِ

"Iman adalah engkau beriman kepada Allah, kepada malaikat-Nya, kepada kitab-kitab-Nya,kepada para rasul-Nya, kepada hari akhir dan engkau beriman terhadap taqdir (ketetapan) Allah, baik (ketetapan) yang baik maupun yang buruk"[8]

Rukun Iman



Cuba Jawab

1.Beriman kepada Allah swt

2.Beriman kepada Malaikat

3.Beriman kepada kitab Allah

4.Beriman kepada para Rasul

5.Beriman kepada hari Akhirat

6.Beriman kepada Qadar & Qada'


Sumber: Wordwall.nett



ISLAM

Maksud Islam

- **Bahasa:** Sejahtera, suci, aman, taat, dan berserah diri.
- **Istilah:** Patuh, tunduk dan menyerah diri kepada Allah swt dengan ikhlas bagi memperoleh kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.



Kandungan Islam

AKIDAH

Kepercayaan dan keyakinan kita kepada Allah SWT sebagai tuhan Yang Maha Esa manakala Muhammad saw adalah Rasulnya. Di samping itu menerima rukun iman dengan penuh keyakinan tanpa keraguan dan prasangka

SYARIAH


Perkara yang berkaitan dengan undang-undang, hukum hakam Allah untuk dilaksanakan bagi menjamin kesejahteraan umat manusia dan meliputi segala aspek yang bermula dari pembentukan peribadi muslim, keluarga, masyarakat dan negara





AKHLAK

Sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang, yang dengannya lahir perbuatan hasil dari pancaran hati sanubari dalamannya. Akhlak yang mulia merupakan matlamat asas dalam Islam



RUKUN ISLAM

1. Mengucap dua kalimah syahadah
2. Menunaikan solat lima waktu
3. Berpuasa di bulan Ramadhan
4. Mengeluarkan zakat
5. Mengerjakan haji di Mekah bagi yang mampu





Video Isyarat Syahadah



Jom Jawab

Sumber: Wordwall.nett

IHSAN

Maksud



Bahasa: Membuat sesuatu yang baik
Istilah: Ibadah seseorang terhadap Allah swt seolah-olah dia melihat Allah





Prinsip


- Ibadah yang dilakukan hanyalah tertumpu kepada Allah SWT sahaja, tidak pada yang lain, ibadah yang penuh rasa ikhlas dan tanggungjawab beribadah hanya kepada Allah sahaja dan tidak mengharapkan balasan dan habuan dunia semata-mata

Contoh




- Ihsan boleh berlaku kepa da manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Ihsan dengan manusia contohnya menghormati mereka yang lebih tua, membantu mereka yang memerlukan.
- Ihsan terhadap tumbuhan dengan sentiasa menjaga tanaman dengan baik , sentiasa disiram dan diberi baja pada pokok agar tumbuh dengan subur.
- Ihsan terhadap haiwan, contohnya, memberi makanan, rawatan dan apabila kita ingin menyembelih haiwan tersebut, binatang itu perlulah direhatkan, alat sembelihan perlulah ditajamkan.

Hubungan Islam, Iman dan Ihsan



- Pokok yang mana akar diibaratkan seperti iman yang tidak kelihatan yang tertanam di dalam tanah seperti iman yang tertanam di dalam hati.
- Batang dan daun pokok diibaratkan seperti islam. Bahagian batang pokok yang boleh dilihat adalah seperti islam yang boleh dilihat melalui amal perbuatan ibadah yang bersungguh yang merupakan hasil dari iman yang kuat dan kukuh di dalam hati manusia.
- Buah adalah diibaratkan ihsan iaitu pokok yang subur dengan akar dan batang yang kukuh serta daun yang lebat akan menghasilkan buah yang baik. Diibaratkan ihsan yang terhasil dari iman dan amalan islam yang bersungguh akan lahirlah akhlak yang baik yang disenangi oleh semua manusia.







IBADAH

- THOHARAH
- SOLAT
- PENGURUSAN JENAZAH








THOHARAH:

NAJIS

Maksud Najis

Benda kotor yang menghalang sahnya solat








Pembahagian Najis

- Najis Mughallazah (Berat)
- Najis Mutawassitah (Sederhana)
- Najis Mukhaffafah (Ringan)


Maksud

Najis Mughallazah (Berat)



Najis dari babi dan anjing dan keturunan daripadanya atau salah satu daripada hasil pencatuman anjing dan babi dengan binatang-binatang lain







Cara Menyucikan

- Hilangkan ain najis jika ada
- Basuh tempat yang terkena najis dengan air tanah sekali
- Basuh lagi tempat tersebut dengan 6 kali air mutlak



Dalill

"Sucinya tempat (perkakas) apabila dijilat anjing adalah dengan mencucinya 7 kali. Permulaan atau penghabisannya di antara cucian itu dicuci dengan air yang bercampur tanah” At-Tirmizi






Najis Mutawassitah (Sederhana)

Maksud

Najis pertengahan iaitu selain daripada najis mughallazah (berat) dan mukhaffafah (ringan)



Jenis

- Najis Aini - Ada rupa, bau dan warna
- Najis Hukmi - Tidak ada rupa, bau dan warna



Cara Menyucikan



Jirus atau alirkan air ke atas tempat yang terkena najis sehingga rata kemudian lap dan keringkan



Najis Mukhaffafah (Ringan)



Najis yang ringan iaitu air kencing bayi kanak-kanak lelaki yang berumur kurang daripada 2 tahun dan hanya minum susu ibunya sahaja

Maksud

Cara Menyucikan

Lap najis, kemudian renjiskan air pada tempat tersebut

“Barang yang terkena air kencing anak perempuan harus dicuci, sedang bila terkena air kencing anak lelaki cukuplah dengan memercikkan air kepadanya”

H.R Abu Daud & Nasai

Dalil

Sumber : Wordwall.nett

Jom Jawab


THOHARAH:

WUDUK

Maksud Wuduk


Bahasa: Bersih dan indah

Syarak: Membersihkan anggota-anggota wuduk dengan cara tertentu setelah berlaku hadas kecil untuk mengerjakan solat dan ibadat lain




Hukum Berwuduk

Wajib bagi sesiapa yang berhadas dan hendak melakukan ibadat-badat yang mensyaratkan wuduk sebagai syarat sah.



Dalil: "*Hai orang-orang beriman, apabila kamu akan mengerjakan solat, basuhlah mukamu dan dua tanganmu hingga kedua siku, sapulah kepalamu kemudia basuhlah kedua kakimu hingga ke buku lali* Surah Al-Maidah: 6



Rukun Wuduk



- Niat
- Membasuh muka
- Membasuh kedua belah tangan sehingga siku
- Menyapu sebahagian dari kepala rambut
- Membasuh dua belah kaki sehingga buku lali
- Tertib


Alat Untuk Berwuduk

Air Mutlak	Air hujan	Air sungai
Air perigi	Air laut	Air mata air
Air embun	Air salji	

Video Cara Berwuduk

Sumber: Youtube

Syarat Sah Wuduk



- Islam
- Mumaiyyiz
- Menggunakan air yang suci lagi menyucikan
- Tidak ada sesuatu benda yang dapat menghalang sampainya air wuduk pada anggota wuduk
- Tidak ada sesuatu pada anggota wuduk yang dapat merubah air ketika berwuduk
- Suci dari haid dan nifas


Sunat-sunat Wuduk



- Menghadap kiblat
- Membaca basmallah sebelum melakukan wuduk
- Membasuh tapak tangan hingga pergelangan tangan
- Berkumur dan membersihkan lubang hidung
- Membasuh/menyapu seluruh kepala
- Menyapu kedua-dua telinga bahagian luar dan dalam
- Mendahulukan anggota wuduk sebelah kanan
- Menyela-nyela jari tangan dan kaki
- Meniga kalikan pada setiap basuhan anggota wuduk
- Berturutan iaitu tidak diselangi masa yang lama
- Tidak berkata-kata semasa berwuduk
- Bersiwak
- Menghadap kiblat
- Membaca doa setelah selesai berwuduk



Perkara Membatalkan Wuduk



- Keluar sesuatu dari qubul dan dubur
- Hilang akal: gila, pengsan, mabuk
- Tidur nyenyak
- Bersentuh kulit antara lelaki dan perempuan bukan muhrim
- Tersentuh kemaluan dengan tapak tangan atau jari

Thoharah:

TAYAMUM



Maksud Tayamum

Tayamum ialah menyapu debu tanah yang suci ke muka dan kedua tangan dengan syarat-syarat tertentu



Dalil Perintah Tayamum

“Jika kamu sakit atau dalam perjalanan atau sudah buang air atau kamu menyentuh perempuan, kemudian kamu tiada memperoleh air, maka bertayamumlah dengan tanah yang suci, maka sapulah mukamu dan kedua belah tanganmu dengan tanah itu ”
(Surah Al-Maidah: 6)



Syarat Tayamum

- Ada halangan menggunakan air seperti sakit atau musafir
- Dilakukan setelah masuk waktu solat
- Mempunyai air yang hanya mencukupi untuk keperluan minuman sahaja
- Menggunakan debu tanah yang bersih dan suci



Rukun Tayamum

- Niat
- Menyapu keseluruhan muka
- Menyapu kedua-dua belah tangan hingga ke siku
- Tertib

Video Cara Tayamum

Sumber: Youtube

Perkara Membatalkan Tayamum

- Perkara membatalkan wuduk adalah membatalkan tayamum
- Telah mendapat air
- Boleh menggunakan air
- Murtad (keluar Islam)





Perkara Sunat Tayamum

- Membaca basmalah
- Mendahulukan tangan kanan daripada kiri
- Berturut-turut perbuatan tersebut



Hikmah Tayamum

- Memberi kemudahan dalam mengerjakan solat bagi golongan yang sakit dan uzur
- Islam agama yang mudah dan fleksibel
- Menunjukkan pentingnya ibadah solat dan tidak boleh ditinggalkan

LATIHAN INTERAKTIF

Latihan 1

Latihan 2

Latihan 3

Jom Jawab

THOHARAH:

Mandi Wajib



Maksud Mandi Wajib

- Mengalirkan air ke atas apa sahaja benda

- Meratakan air ke seluruh anggota badan dengan niat menghilangkan hadas besar



Perkara Yang Mewajibkan Mandi



- **Bersetubuh (berjimak)**
  Sama ada keluar air mani ataupun tidak. Bertemu dua khitan iaitu dengan memasukkan *hasyafah* (batasan zakar yang disunatkan ke dalam faraj)



- **Keluar mani**
  Secara sengaja atau tidak sengaja

- **Haid**
  Darah yang keluar dari rahim wanita yang telah baligh

- **Nifas**
  Darah yang keluar daripada rahim perempuan disebabkan melahirkan anak



- **Mati**
  Setiap orang yang meninggal perlu mandi wajib atau disebut sebagai mandi jenazah

Rukun Mandi Wajib

1

Niat

Lafaz niat:

"Aku berniat mengangkat hadas besar kerana Allah Taala"

2

Menghilangkan najis [jika ada]

3

Membasuh seluruh anggota badan

Wajib meratakan air ke seluruh anggota badan

Perkara Sunat Mandi

- Menggosok seluruh badan dengan tangan termasuk celah-celah anggota seperti jari tangan dan kaki
- Memulai membasuh kepala kemudian anggota sebelah kanan
- Mencuci sebanyak tiga kali sewaktu mandi

- Menyelati rambut dan memastikan air sampai ke kulit kepala
- Menutup aurat ketika mandi Berturut-turut
- iaitu tanpa berhenti atau melakukan pekerjaan lain

Perkara Makruh Ketika Mandi

- Menggunakan air berlebih-lebihan
- Mandi di air yang bertakung dan tidak mengalir

Hikmah Mandi Wajib

- Mendapat pahala
- Membersihkan diri
- Melaksanakan semula ibadah yang diharamkan ketika berhadas besar

Latihan

scan me

Sumber: Wordwall.nett

SOLAT

Maksud Solat

- ***Bahasa:*** Doa atau mengemukakan permohonan
- ***Istilah:*** Perbuatan dan ucapan yang dimulai dengan takbiratulihram dan diakhiri dengan salam dengan syarat-syarat tertentu

Perbezaan Solat Wajib & Solat Sunat

SOLAT WAJIB	SOLAT SUNAT
Dilakukan mengikut waktu yang telah ditetapkan iaitu 5 kali sehari	Dilakukan jika ada kelapangan waktu
Amalan pertama yang akan dihisab di hari akhirat	Satu amalan yang sangat digalakkan
Jika ditinggalkan berdosa	Jika dilakukan mendapat pahala
Contoh: Solat subuh, zohor, asar, maghrib dan isyak	Contoh: Solat sunat Hari Raya, solat Terawih

Syarat Sah Solat

→ ***Islam***
Tidak wajib kepada orang kafir

→ ***Berakal***
Tidak wajib kepada orang gila

→ ***Baligh***
Tidak wajib kepada kanak-kanak

Syarat Wajib Solat

- Yakin masuknya waktu solat
- Menghadap kiblat
- Menutup aurat
- Suci daripada najis dan hadas

13 Rukun Solat

RUKUN QALBI (Hati)

- Niat

RUKUN QAULI (Perkataan)

- Takbiratulihram
- Membaca Al-Fatihah
- Membaca tahiyat akhir
- Selawat ke atas Nabi Muhammad
- Memberi salam yang pertama

RUKUN FI'LI (Perbuatan)

- Berdiri bagi yang mampu
- Rukuk serta toma'ninah
- Iktidal serta toma'ninah
- Sujud serta toma'ninah
- Duduk antara dua sujud serta toma'ninah
- Duduk tahiyat akhir
- Tertib

Rukun yang berasaskan kepada hati

Rukun berdasarkan kepada perbuatan anggota badan

Rukun yang berasaskan kepada sebutan dan bacaan

Panduan Melaksanakan SOLAT

1. Niat

Niat berlaku semasa seseorang mengangkat takbiratul ihram

Subuh

أُصَلِّي فَرْضَ الصُّبْحِ رَكْعَتَيْنِ
أَدَاءً لِلّٰهِ تَعَالَى .

"Sahaja aku sembahyang fardu subuh dua rakaat tunai kerana Allah Taala"



Zuhur

أُصَلِّي فَرْضَ الظُّهْرِ أَرْبَعَ
رَكَعَاتٍ أَدَاءً لِلّٰهِ تَعَالَى.

"Sahaja aku sembahyang fardu zuhur empat rakaat tunai kerana Allah Taala"

Asar

أُصَلِّي فَرْضَ الْعَصْرِ أَرْبَعَ
رَكَعَاتٍ أَدَاءً لِلّٰهِ تَعَالَى .

"Sahaja aku sembahyang fardu asar empat rakaat tunai kerana Allah Taala"



Maghrib

أُصَلِّي فَرْضَ الْمَغْرِبِ ثَلَاثَ
رَكَعَاتٍ أَدَاءً لِلّٰهِ تَعَالَى .

"Sahaja aku sembahyang fardhu maghrib tiga rakaat tunai kerana Allah Taala"

Isyak

أُصَلِّي فَرْضَ الْعِشَاءِ أَرْبَعَ
رَكَعَاتٍ أَدَاءً لِلّٰهِ تَعَالَى .

"Sahaja aku sembahyang fardhu isyak empat rakaat tunai kerana Allah Taala"




scan me

Video Panduan Solat OKU Cacat Pendengaran

2. Berdiri bagi yang mampu

Jika tidak mampu berdiri boleh duduk atau berbaring



3. Takbiratul Ihram


Takbiratul ihram ialah takbir yang pertama untuk memulakan sembahyang

اَللّٰهُ أَكْبَرُ

"Allah Maha Besar"



4. Membaca Al- Fatihah



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ ١
اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعٰلَمِيْنَ ٢ اَلرَّحْمٰنِ
الرَّحِيْمِ ٣ مٰلِكِ يَوْمِ الدِّيْنِ ٤
اِيَّاكَ نَعْبُدُ وَاِيَّاكَ نَسْتَعِيْنُ ٥
اِهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيْمَ ٦ صِرَاطَ
الَّذِيْنَ اَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوْبِ
عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّآلِّيْنَ ٧

Wajib dibaca semuanya


" Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam. Maha pemurah lagi maha penyayang. Yang menguasai hari pembalasan. Hanya kepada Engkaulah kami menyembah dan hanya kepada Engkaulah kami memohon pertolongan. Tunjukkanlah kami jalan yang lurus. Iaitu jalan orang-orang yang telah Engkau anugerahkan nikmat kepada mereka. Bukan jalan yang mereka yang dimurkai dan bukan pula jalan mereka yang sesat"

5.Rukuk serta toma'ninah

Had sah rukuk ialah sekurang-kurangnya tunduk sekadar sampai kedua tapak tangan ke lutut

سُبْحَانَ رَبِّيَ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ

"Maha suci Tuhanku Yang Maha Agung dan segala pujian untukNya



6.Iktidal serta toma'ninah

Iktidal ialah bangkit dari rukuk kepada berdiri tegak,serta toma'ninah sebelum turun sujud

سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ

"Maha mendengar Allah akan pujian orang yang memujiNya"



7. Sujud serta toma'ninah

Sujud ialah meletakkan tujuh anggota ke tempat sembahyang, iaitu dahi, dua tapak tangan, dua lutut dan dua penghujung tapak kaki serta ditinggikan punggung dari kepala

سُبْحَانَ رَبِّيَ الأَعْلَى وَبِحَمْدِهِ

"Maha suci Tuhanku Yang Maha Tinggi, dan segala pujian untukNya"



8. Duduk antara dua sujud serta toma'ninah

Kedudukan kaki dan jari ketika duduk antara dua sujud



رَبِّ اغْفِرْلِي وَارْحَمْنِيْ وَاجْبُرْنِيْ وَارْفَعْنِيْ
وَارْزُقْنِيْ وَاهْدِنِيْ وَعَافِنِيْ وَاعْفُ عَنِّيْ

"Wahai Tuhanku, ampunkan aku, rahmati aku, lengkapkanlah (keperluanku), tinggikan (kedudukanku), berikan rezeki kepadaku, berikan petunjuk kepadaku, sihatkan diriku dan ampunikan aku".

9. Duduk tahiyat akhir

Tidak boleh seseorang itu membaca tahiyat sedang dia berdiri, sujud atau sebagainya.



10. Membaca tahiyat akhir

اَلتَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاةُ الطَّيِّبَاتُ لِلّٰهِ،
اَلسَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ
وَبَرَكَاتُهُ، اَلسَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللهِ
الصَّالِحِينَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَّسُوْلُ اللهِ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ

"Segala kehormatan, segala keberkatan, segala doa (sembahyang) segala kebaikan itu adalah keupayaan Allah. Sejahteralah engkau wahai Nabi, begitu juga rahmat Allah dan keberkatanNya. Sejahteralah kami dan hamba Allah yang baik-baik. Aku mengaku bahawa tiada Tuhan Selain Allah. Dan juga aku mengaku bahawa Muhammad itu adalah Pesuruh Allah. Ya Allah anugerahkanlah kesejahteraan atas Penghulu kami Muhammad dan seluruh keluarga Penghulu kami Muhammad; sebagaimana yang Engkau telah anugerahkan kesejahteraan atas Ibrahim dan seluruh keluarga Ibrahim. Dan berkatilah Muhammad dan seluruh keluarga Muhammad sebagaimana Engkau telah berkati Ibrahim dan seluruh keluarga Ibrahim. Di dalam alam semesta ini hanyalah Engkau sahajalah yang paling terpuji dan yang paling mulia.

11. Selawat ke atas Nabi Muhammad saw

"Ya Allah anugerahkanlah kesejahteraan atas Penghulu kami Muhammad dan seluruh keluarga Penghulu kami Muhammad; sebagaimana yang Engkau telah anugerahkan kesejahteraan atas Ibrahim dan seluruh keluarga Ibrahim. Dan berkatilah Muhammad dan seluruh keluarga Muhammad sebagaimana Engkau telah berkati Ibrahim dan seluruh keluarga Ibrahim. Di dalam alam semesta ini hanyalah Engkau sahajalah yang paling terpuji dan yang paling mulia"

أَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ، إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ، أَللّٰهُمَّ بَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيْمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيْمَ، إِنَّكَ حَمِيْدٌ مَجِيْدٌ.

12. Memberi salam yang pertama

Salam yang pertama adalah wajib dan salam yang kedua adalah sunat

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ

"Salam sejahtera dan rahmat Allah ke atas kamu"



13. Tertib

Mengikut turutan yang telah ditetapkan

Latihan 1

Latihan 2

Latihan 3

Jom Jawab

Solat Ketika Sakit

Melakukan solat mengikut keupayaan kerana kesukaran yang menghalang daripada menunaikan solat secara biasa

Islam membenarkan orang sakit solat mengikut kemampuannya

Video Panduan Solat (Duduk)

Sumber: Youtube

Video Panduan Solat (Baring)

Sumber: Youtube

Hikmah Menunaikan Solat

- **Tingkatkan perasaan ubudiyah**
  Bersolat mengingatkan tentang kedudukan kita sebagai seorang hamba

- **Bertaubat**
  Solat yang dilakukan secara berterusan boleh membersihkan dosa


- **Berdisiplin**
  Melatih diri supaya menjadi muslim yang berdisiplin

- **Pengurusan masa**
  Mengajar manusia tentang pengurusan masa dan peka kepada perubahan waktu

- **Kesihatan fizikal dan mental**
  Menyihatkan tubuh badan dan jiwa menjadi tenang

Perkara Makruh Dalam Solat

- Solat dalam keadaan terlalu mengantuk
- Solat dalam keadaan menahan air kecil dan air besar
- Menguap di dalam solat
- Meletakkan kedua-dua lengan di atas lantai ketika sujud
- Memandang ke arah sesuatu yang melalaikannya daripada solat
- Memakan makanan yang mengeluarkan bau busuk sebelum solat








Perkara Membatalkan Solat

- Bercakap dengan sengaja
- Menambah atau mengurangkan perbuatan rukun solat
- Berhadas
- Terdapat najis yang tidak dimaafkan
- Terbuka aurat
- Berpaling dari kiblat
- Mengubah niat
- Makan dan minum dengan sengaja
- Mengeluarkan suara selain bacaan dalam solat
- Murtad





Pengurusan Jenazah

1.Mandi

2. Kafan

3. Solat

4. Kebumi

1.Mandi Jenazah

Syarat Mandi

- Mayat orang Islam
- Cukup anggota / sebahagian
- Bayi yang lengkap anggota
- Bukan mati syahid

Tempat Mandi

- Tempat yang tertutup
- Letak mayat ditempat yang tinggi
- Aurat wajib ditutup
- Membakar bau-bauan seperti kemenyan
- Dilarang mengintai

ADAB MANDI JENAZAH

- Menjirus dan menggosok jenazah dengan lemah lembut
- Jangan sengaja melihat aurat mayat
- Orang yang memandikan mestilah:

-Amanah

-Islam

-Merdeka

-Bukan pembunuh si mati

-Bukan orang fasik

-Bukan kanak-kanak

Video Panduan Mandi Jenazah

Cara Memandikan Jenazah

- Bersihkan mayat dari segala kekotoran
- Membersihkan gigi mayat, lubang hidungnya, lubang telinga dan celah-celah kuku. Setelah itu barulah dimandikan seluruh tubuh.
- Lafaz Niat
- Mandi dengan air sabun

-Basuh seluruh kepala, sampai hujung kaki 3 kali (terlentangkan mayat)

-Basuh sebelah kanan(lambung kanan)3 kali (mengiringkan mayat)

-Basuh sebelah kiri (lambung kiri) 3 kali (mengiringkan mayat)

- Mandi dengan air bersih

-Sama seperti mandi air sabun

- Mandi air bercampur kapur barus

-Sama seperti mandi air sabun (3 kali)

- Setelah bersih diwudukkan

2. Kafan Jenazah

PERALATAN

·Kain putih ·Gunting ·Kapas
·Cendana ·Kapur barus ·Air mawar
·Minyak wangi ·Tikar ·Bantal









CARA-CARA

- Kain dibentangkan dan setiap lembar disapu dengan minyak wangi
- Tali pengikat diletakkan di bawah kain / dikoyak terlebih dahulu tepinya iaitu di sebelah kanan dan kiri
- Kapas disapu wangian dan digunakan untuk menutup kemaluan, muka, kedua buah dada, kedua telinga, kedua siku dan kedua tumit
- Angkat mayat dan dibaringkan ke atas kain yang dibentangkan
- Tutup jenazah dengan kapas
- Kain kapan ditutup dari lembar yang atas sampai lembar yang paling bawah

KAIN KAFAN
Jenazah lelaki : 3 atau 5 helai kain putih
Jenazah perempuan : 5helai kain putih

Video Panduan Kafan Jenazah

3. Solat Jenazah

Jenazah Yang Boleh Disolatkan



- Mayat Islam
- Telah dimandikan/dikafankan bukan mati syahid
- Bayi yang tidak meninggal dalam kandungan
- Bahagian tubuh badan/anggota yang terbesar

Rukun Solat Jenazah



- Niat
- Berdiri bagi upaya
- 4 takbir termasuk takbiratulihram
- Membaca fatihah selepas takbir pertama
- Membaca selawat selepas takbir kedua
- Membaca doa bagi jenazahselepas takbir ke 3
- Salam selepas takbir ke 4

PERINGATAN



- Letakkan mayat di hadapan imam melintangi kiblat
- Bagi mayat (L) imam berdiri di sebelah kepala
- Bagi mayat (P) imam berdiri di pinggangnya
- Mayat dalam keranda dibukatutup
- Kepala mayat di sebelahkanan orang yang solat
- Yang lebih utama menyembahyangkannya ialah kaum kerabatnya

Video Panduan Solat Jenazah

Sumber: Youtube



4. Kebumi Jenazah

Membawa Mayat ke Kubur

- Dipikul dengan pengusungan 4 penjuru
- Dahulukan kepala ke depan dan disegerakan
- Orang yang mengiringi jenazah berjalan di hadapan
- Berjalan lebih afdhal dari berkereta
- Wanita tidak digalakkan mengiringi jenazah





Memasukkan Mayat ke Kubur

- Menghulurkan kepalanya ke dalam dengan disambut 3 orang di dalamnya
- Letakkan jenazah ke dalam liang dan baringkan ke atas lambung kanan dengan mengadap kiblat
- Disandarkan belakang dengan tanah supaya tidak terbalik
- Kepalanya dibantalkan dengan tanah
- Ikatan kain kafan dilepaskan
- Sunat meninggikan kubur dari paras bumi sejengkal
- Sunat diletakkan batu nisan
- Tutup liang dengan papan, timbus tanah dengan tanah perlahan-lahan





Sumber: Youtube

Video Panduan Kebumi Jenazah

Latihan Pengukuhan








AKHLAK

Akhlak terhadap:



- Allah
- Rasul
- Manusia



Maksud Akhlak

- Suatu tingkahlaku yang menyeluruh dan sempurna, merangkumi segala aspek kehidupan.

- Tidak ada suatu pun yang terlepas daripada akhlak Islam sama ada berhubung dengan diri sendiri, orang lain ataupun berhubung dengan Pencipta.

- Akhlak merupakan salah satu ajaran Islam. Nabi Muhammad SAW adalah sebagai contohnya. Baginda diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia. Sejak awal dakwah lagi Rasulullah menyeru kepada pembentukan akhlak yang mulia. Rasulullah sendiri sebelum dilantik sebagai rasul adalah seorang yang terkenal dengan akhlak yang baik sehinggakan beliau digelar al Amin (yang dipercayai).

Dalil

Sabda rasulullah saw:

تَخَلَّقُوْا بِأَخْلَاقِ اللّٰهِ

Maksudnya: "Berakhlaklah kamu seperti akhlak Allah."



Akhlak Terhadap Allah

- Beriman kepada Allah ialah mengakui, mempercayai atau meyakini bahawa Allah itu ada dan bersifat dengan segala sifat yang baik dan Maha Suci dari segala sifat yang buruk

- Tetapi beriman kepada Allah, tidak cukup hanya sekadar mempercayai akan adanya Allah sahaja, melainkan harus juga diikuti dengan beribadah atau mengabdikan diri kepada Allah dalam kehidupan sehari-hari, mengamalkan segala perintah Allah dan dijauhinya segala larangan Allah

- Semua ini dikerjakan dengan tulus ikhlas, semata-mata hanya kerana Allah sahaja. Akhlak juga boleh dimaksudkan seperti berikut:

  - Tidak mempersekutukan Allah dengan apa juga
  - Takut kepada Allah
  - Cinta kepada Allah
  - Redha dan ikhlas kepada qada' dan qadar Allah SWT
  - Bertaubat kepada Allah
  - Bersyukur kepada Allah

Jom Jawab

Sumber: Wordwall.nett





Akhlak Terhadap Rasulullah

Sebagai seorang nabi dan rasul utusan Allah swt kepada sekalian umat manusia di dunia ini, Rasulullah mempunyai akhlak yang terpelihara sesuai dengan martabat baginda sebagai seorang rasul. Maka setiap individu muslim perlu berakhlak kepada rasulullah saw.



Beriman kepada rasul

Akhlak manusia kepada Nabi Muhammad saw yang pertama sekali ialah beriman kepada baginda, iaitu percaya bahawa baginda adalah nabi dan rasul (utusan) Allah kepada seluruh manusia dan mempercayai segala ajaran yang disampaikan oleh baginda adalah merupakan wahyu Allah yang benar. Kepercayaan yang sepenuh hati tanpa ada sedikit keraguan yang boleh menjejaskan keimanan seseorang muslim.

Tunduk dan patuh kepada rasul



Tunduk dan patuh juga memberi makna menjadikan rasulullah saw sebagai manusia pertama yang perlu ditaati berbanding sekalian manusia dan makhluk yang wujud di muka bumi ini dan menerima segala apa yang disampaikan baginda dengan ketaatan yang sepenuhnya serta tidak membantah, mempertikaikan, menghina, mempersenda, memperolok-olokkan atau memperkecilkan walaupun satu daripada percakapan, sifat, tingkahlaku, pengakuan dan segala apa yang disampaikan oleh baginda di samping meninggalkan segala tegahan dan larangannya.

Cinta kepada rasul



1. Mengamal dan mematuhi agama Islam yang diajarkannya, baik yang terdapat dalam Al-Quran mahupun dalam hadisnya.
2. Berjuang menegakkan, mengembangkan dan membela ajarannya, termasuk juga menjaga kemurniannya dari segala bid'ah dan khurafat.
3. Memuliakan Nabi Muhammad saw dan memperbanyakkan berselawat kepadanya.
4. Memuliakan keluarga dan sahabat-sahabatnya.
5. Berselawat kepada rasul.

Latihan Interaktif

Sumber: Wordwall.nett

Akhlak Terhadap Sesama Manusia

Ibu Bapa





Ibu bapa adalah insan yang wajib ditaati selepas Allah dan Rasul. Tidak ada seorang pun yang menyamai kedudukan ibu bapa yang sangat terhormat ini, apa lagi menandinginya. Jasa ibu bapa yang sangat besar kepada kita iaitu melahirkan, membesarkan, mendidik dan dilengkapi dengan segala keperluan hidup dengan penuh kasih sayang, tanggung jawab dan keikhlasan yang mana semua jasa mereka ini tidak akan dapat terbalas.Sabda rasulullah saw:

"Keredhaan Allah terletak pada keredhaan ibu bapa dan kemurkaan Allah terletak pada kemurkaan ibu bapa."

(Riwayat Tirmidzi)





Guru

Guru ialah orang yang memberi pengajaran dan pendidikan sama ada secara formal atau tidak formal kepada pelajar. Maka pelajar adalah orang yang memperolehi pendidikan dan pengajaran secara formal mahupun tidak formal. Islam mengajarumatnya agar memelihara akhlak bersama guru dengan menghormati dan memuliakan mereka. Sabda rasulullah saw:

"Muliakanlah orang yang kamu belajar daripadanya."

(Riwayat Abul Hasan Al-Mawardi)

Rakan

Pergaulan yang baik bersama rakan-rakan merupakan hasil daripada kemurniaan budi pekerti yang tinggi. Rakan-rakan yang dipilih hendaklah memiliki beberapa sifat seperti waras fikiran, baik budi pekerti, tidak fasik dan tidak mementingkan hal-hal keduniaan Di antara adab pergaulan bersama rakan ialah:

- Mengamalkan sikap tolong menolong
- Memelihara lidah
- Memaafkan kesalahan
- Mendoakan rakan
- Ikhlas dalam menjalinkan persahabatan





QR Code Ulangkaji

Suci Najis

Cara Berwuduk

Tayammum

Solat Ketika Sakit

Wuduk Ketika Sakit

Pergerakan Solat

Rujukan

Dr. Mustofa Al-Khin, Dr. Mustofa Al-Bugho & Ali Asy Syarbaji. (1998). *Kitab Fikah Mazhab Syafie: Bab Bersuci & Solat*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Ibnu Ismail. (2007). *Panduan Asas Fardu Ain*. Johor: Pustaka Azhar.

Ismail Kamus & Mohd. Azrul Azlen Ab. Hamid. (2009). *Indahnya Hidup Bersyariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Johari Al-Yamani & Junaid Talib. (1999). *As-Solat*. Selangor: Galeri Watikah Sdn. Bhd.

Nik Mohd Sofri, Zuraiha, Suhaila & Azirah. (2016). *Panduan Umum Kehidupan Pelajar Muslim*. Perlis: Percetakan Perlis Sdn. Bhd.

Norni Abd.Wahab, Dorah Mohamad Darul & Qamaraih Makmud. (2013). *Pendidikan Islam*. Sabah: VV Photocopy Center.

Rohidzir Rais, Fuad Ismail, Mohd Wahid Abd. Hanif. (2011). *Ensiklopedia Solat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Roshadah Abu Bakar. (2020). *Manhaj Tarbiyah Usrah: Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin*. Perlis: Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin.

Shopuan Anuar Hj. Ahmad. (1998). *Iman Dan Akhlak*. Perak: Desktop System

Zulkainain Yunus, Mohd Salam Kamil. (2006). *Pendidikan Islam Xpress*. Selangor:Sasbadi Sdn. Bhd.

MODUL USRAH PENDIDIKAN ISLAM SIJIL KEMAHIRAN KHAS POLITEKNIK

e ISBN 978-629-7514-53-6



POLITEKNIK TUANKU SYED SIRAJUDDIN
(online)